

Puad cabar Muhyiddin letak jawatan dalam kerajaan

**ADUN Rengit
anggap menteri
BERSATU juga
tak patut kekal
pentadbiran
diterajui UMNO**

**Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
dan Omar Ahmad**
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Datuk Dr Mohd Puad Zarkashi, mencabar Presiden BERSATU, Tan Sri Muhyiddin Yasin serta menteri mewakili parti diterajui bekas Perdana Menteri itu meletak jawatan disandang mereka dalam kerajaan.

Ketua UMNO Bahagian Batu Pahat itu yang menang kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rengit pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor kelmarin, mendakwa Muhyiddin yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN) menyerang UMNO dan pemimpinnya dengan kasar sepanjang tempoh berkempen pada PRN berkenaan.

Justeru, beliau mempersoal-

kan, adakah bermaruah jika Muhyiddin dan menteri mewakili BERSATU terus kekal dalam kerajaan Persekutuan yang diterajui pemimpin UMNO.

"Muhyiddin sedia letak jawatan dalam parti kerana BERSATU kalah teruk di PRN Johor. Sepatutnya Muhyiddin dan menteri dari BERSATU letak jawatan dalam kerajaan. Tekanlah 'button' (butang) jika bermaruah," katanya dalam hantaran di akaun Facebook beliau semalam.

Mohd Puad juga mendakwa, BERSATU berkempen habis-habisan dan membelanja besar untuk mengalahkan BN dalam PRN berkenaan.

"Mereka berkempen secara habis habisan. PPBM membelanja besar. Termasuk sedia bas untuk mengangkut pengundi," katanya.

BN berjaya membentuk kerajaan Johor dengan majoriti lebih dua pertiga selepas memenangi 40 kerusi DUN. PN yang bertanding di semua 56 kerusi hanya menang tiga, iaitu dua oleh BERSATU dan satu PAS, manakala GERAKAN tidak memenangi sebarang kerusi.

Di Johor Bahru, Ketua Pengerusi PN Johor, Mohd Solihan Badri menegaskan, Muhyiddin perlu dipertahankan sebagai Pengerusi PN di peringkat pusat

dan negeri ini, sekali gus kekal menerajui kepemimpinan parti bagi menghadapi cabaran lebih besar pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

"Kepemimpinan Muhyiddin juga masih diperlukan BERSATU yang menerajui kepemimpinan PN sebagai gagasan yang memperjuangkan kerajaan berintegriti, cekap mentadbir urusan dan prihatin rakyat bersama parti komponen, iaitu PAS serta GERAKAN.

"Kami tahu, ada pihak menggunakan sentimen kekalahan calon PN pada PRN Johor untuk mengadu domba bahawa punca utamanya konon disebabkan kesilapan pendekatan mahupun strategi Muhyiddin. Namun kami juga tahu Muhyiddin, barisan kepemimpinan PN serta jentera pilihan raya parti telah

melakukan yang terbaik untuk memenangi pilihan raya berkenaan.

"Banyak faktor lain menyumbang kepada kekalahan di Johor, tetapi ia bukan pengakhiran kepada segala-galanya, sebaliknya terus membakar semangat dan iltizam parti untuk meneruskan perjuangan agenda pembaharuan landskap politik, tadbir urusan negara berteraskan integriti serta mensejahterakan rakyat," katanya dalam kenyataan.

Sabtu lalu, Muhyiddin pada sidang media selepas pengumuman keputusan PRN Johor yang menyaksikan PN hanya menang tiga kerusi, menegaskan beliau bersedia melepaskan jawatan sebagai pengerusi perikatan berkenaan susulan kekalahan teruk gabungan itu pada PRN Johor.

"Muhyiddin sedia letak jawatan dalam parti kerana BERSATU kalah teruk di PRN Johor. Sepatutnya Muhyiddin dan menteri dari BERSATU letak jawatan dalam kerajaan. Tekanlah 'button' (butang) jika bermaruah."



*Mohd Puad Zarkashi,
Ahli MKT UMNO*